

**RIMBA BESAR HUJAN**  
Large Wren Babbler

FAMILI: Timaliidae  
NAMA SAINTIFIK: *Napothera macrodactyla*



**CIRI-CIRI:** Bagi burung dewasa spesies ini, ia mempunyai bahagian hadapan kepala berhampiran paruh dan bulu penutup telinga yang berwarna hitam, manakala pada bahagian kening dan tekak yang berwarna putih. Selain itu, ia mempunyai kulit di sekeliling mata yang berwarna biru muda. Pada bahagian belakang bulu penutup telinga, terdapat jalur-jalur halus yang berwarna putih. Bahagian bawah badan berwarna pucat dengan tompok-tompok gelap serta bahagian tepi badan dan bawah tongkeng yang berwarna perang kekuningan. Saiz keseluruhan bagi burung ini adalah di antara 19.5-20.5 sm.

**MAKANAN**

Diet utama terdiri daripada serangga-serangga kecil dan haiwan invertebrata. Sesetengah daripada spesies ini memakan buah-buahan yang bersaiz kecil, bijian dan nektar.

**HABITAT**

Burung ini mendiami kawasan hutan dipterokarp sehingga ke ketinggian 700 m dari aras laut, namun biasa dijumpai pada ketinggian 200 m dari aras laut.

**BUNYI**

Burung ini mengeluarkan bunyi yang pelbagai namun biasanya mengeluarkan bunyi siulan kuat yang jelas serta berulang setiap beberapa saat *chuu-chreeh* dan *chu-chii*. Ia biasa dijumpai di atas atau berhampiran dengan tanah.

**PEMBIAKAN**

Musim membiak adalah dari bulan Disember hingga Julai setiap tahun dengan burung betina menghasilkan 2 biji telur bagi setiap eraman.

**STATUS**

Akta 76/72, dilindungi sepenuhnya.  
IUCN, hampir terancam.